


## PRESS – ONLINE

<b>Publication</b>	Hmetro.com.my	<b>Day/Date</b>	Thu, 9 May 2024
<b>Section</b>	Mutakhir	<b>Pageviews</b>	13,500,000
<b>Headline</b>	Pameran DSA, NATSEC: Teknologi VR APPM dapat perhatian Turkiye, Belanda		
<b>URL</b>	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/05/1088727/pameran-dsa-natsec-teknologi-vr-appm-dapat-perhatian-turkiye-belanda">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/05/1088727/pameran-dsa-natsec-teknologi-vr-appm-dapat-perhatian-turkiye-belanda</a>		



### Pameran DSA, NATSEC: Teknologi VR APPM dapat perhatian Turkiye, Belanda



Kuala Lumpur: Penggunaan teknologi realiti maya (VR) oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) pada pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Pameran Keselamatan Negara (NATSEC) Asia 2024 di sini, berjaya menarik perhatian agensi penguat kuasa luar negara seperti Turkiye dan Belanda.

Pemangku Ketua Pengarah APMM Laksamana Madya Maritim Datuk Saiful Lizan Ibrahim berkata agensi-agensi terbabit menyatakan rasa kagum dan berhasrat untuk menggunakan teknologi seumpama itu bagi latihan maya dan perkongsian maklumat berkaitan peranan serta tanggungjawab agensi kepada umum.

"Pameran DSA dan NATSEC 2024 turut membuka ruang kepada APMM dalam meningkatkan kerjasama antara agensi penguat kuasa luar negara melalui pertemuan bilateral yang diadakan sepanjang acara ini berlangsung," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata dianggarkan lebih 7,000 pengunjung melawat reruai APMM pada pameran yang berlangsung selama empat hari di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) bermula Isnin lalu.

"Program yang berakhir hari ini telah menerima sambutan yang memberangsangkan daripada pemain industri keselamatan tempatan serta syarikat terkemuka luar negara seperti United Kingdom, China dan Perancis," katanya.

Saiful Lizan berkata selain pemain industri keselamatan dan agensi penguatkuasaan dalam dan luar negara, reruai APMM turut menerima kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim serta Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Pameran DSA dan NATSEC yang berakhir hari ini, mempamerkan teknologi dan aset peperangan elektronik tercanggih di dunia dalam sektor pertahanan darat, udara dan laut.

Acara dwitahunan yang memasuki edisi ke-18 dan kali ini bertemakan Building Resilient Nations For The Next Generation telah menarik penyertaan 1,324 syarikat dari 60 negara, dengan 34 negara mempunyai pavilion sendiri termasuk Turkiye, China, Emiriah Arab Bersatu, Itali dan Amerika Syarikat.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin telah mengumumkan edisi ke-19 pameran itu dijadualkan berlangsung mulai 20 hingga 23 April 2026.